

20 pelajar UPMKB lawat ABF

BINTULU: Seramai 20 pelajar Bachelor Sains Kimia Perindustrian dengan Kepujian dari Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) mengadakan lawatan industri ke ASEAN Bintulu Fertilizer (ABF) di sini, kelmarin.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, program itu merupakan usaha untuk mewujudkan satu proses Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) yang khusus untuk pelajar terbabit yang kini sedang mengambil subjek Kimia Organik Perindustrian.

"Program ini merupakan landasan bagi PBL dalam membina jaringan kerjasama dengan pihak industri.

"Para pelajar diberikan peluang untuk melihat proses pemprosesan dan pengedaran urea dan ammonia.

"Selain itu, mereka didedahkan kepada teknologi terkini yang digunakan serta standard keselamatan diguna pakai industri," katanya.

Pengarah program, Raphael Guan Yuan Dino dalam kenyataan itu berkata, program tersebut memainkan peranan penting

dalam menyokong hasil pembelajaran kursus Kimia Organik Perindustrian.

"Jabatan Sains dan Teknologi sentiasa menyokong usaha dalam memacu kolaborasi antara akademik dan industri sebagai persediaan kepada pelajarinya untuk menjadi graduan yang boleh menyumbang kepada industri kelak.

"Secara keseluruhannya, program lawatan industri kali ini bakal diadakan lagi pada tahun hadapan dan terus dijadikan program tahunan agar dapat mengeratkan hubungan UPMKB dan ABF," ujarnya.



SEKITAR 20 pelajar UPMKB yang mengambil subjek Kimia Organik Perindustrian melawat ABF kelmarin.